



Jadikan kejayaan sebagai landasan menyumbang kepada masyarakat

Oleh: Azman Zakaria



SERDANG, 10 Jan: Graduan perlu menjadikan kejayaan yang dikecapi hari ini sebagai landasan untuk menyumbang secara lebih bermakna kepada masyarakat, kata Pro-Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Emeritus Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaie.

Justeru, katanya, graduan perlu terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri untuk menyumbang kepada pembentukan masyarakat dan peningkatan peradaban manusia yang lebih berkualiti, berintegriti dan bersinergi dengan alam persekitaran.

Katanya, mereka perlu menjadi contoh yang baik kepada mahasiswa yang masih berjuang menuntut ilmu.

"Tunjukkanlah kepada masyarakat bahawa graduan UPM bukan sahaja hebat dalam akademik, malah hebat juga daripada aspek sahsiahnya,

"Sebagai graduan, kecemerlangan akademik sahaja tidak mencerminkan kejayaan dan kehebatan seseorang ... pembangunan dan kecemerlangan secara holistik juga perlu diberikan perhatian," katanya ketika berucap pada Sesi 3, Majlis Konvokesyen ke-44 UPM di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM di sini, hari ini.



Beliau menyampaikan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Sarjana (master), Bachelar dan Diploma kepada 951 graduan pada Sesi 3, Majlis Konvokesyen itu.

Prof Emeritus Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie juga berkata, sektor pendidikan tinggi menyediakan insan berpengetahuan serta berkemahiran tinggi bagi keperluan pembangunan negara, dan sehubungan itu, Institusi Pendidikan Tinggi, khususnya UPM perlu berada pada tahap yang cemerlang.

Sambil mengucapkan tahniah kepada pengurusan universiti dan warga UPM atas kejayaan UPM berada pada kedudukan ke-143 universiti terbaik dunia dalam penarafan *QS World University Ranking* 2022 dan universiti paling lestari di negara dengan kedudukan ke-27 terbaik dunia dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2021, beliau berkata, hal itu adalah antara manifestasi kualiti dan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh warga UPM.

Katanya, kejayaan itu wajar dilestarikan secara berterusan.

Beliau juga berkata sebagai alumni UPM, graduan perlu sentiasa menyokong usaha memperkuh hubungan dengan *alma mater* UPM demi melonjakkan lagi kecemerlangan universiti pada peringkat antarabangsa.

LIHAT JUGA



Future Biologist Caliphs dedah pelajar hubungkait ilmu Biologi dan ilmu Islam (/berita/future_biologist_caliphs_dedah_pelajar_hubungkait_ilmu_biologi_dan_ilmu_islam_65320)



Timbalan Menteri KBS rasmi Karnival Rekreasi Luar Kebangsaan Malaysia Outdoor Recreation Carnival (MOREC) 2021 (/berita/timbangan_menteri_kbs_rasmi_karnival_rekreasi_luar_kebangsaan_malaysia_outdoor_recreation_carnival_morec_2021-65197)



UPM-TNB-GSPARX Sdn. Bhd jalin kerjasama bagi projek Rooftop Solar Photovoltaic (/berita/upm_tnb_gsparx_sdn_bhd_jalin_kerjasama_bagi_projek_rooftop_solar_photovoltaic_65196)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

Katanya, para graduan akan menjadi duta UPM ke seluruh dunia dan bertanggung jawab menjaga nama baik universiti dengan menyerahkan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara walau di mana sahaja berada. – UPM

Tarikh Input: 10/01/2022 | Kemaskini: 31/01/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fjadikan_kejayaan_sebagai_landasan_menyumbang_kepada_masyarakat-64874&title=Jadikan%20Kejayaan%20Sebagai%20Landasan%20Menyumbang%20Kepada%20Masyarakat%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN


Sistem Permohonan ke Luar Negara
(http://bursar.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/
portal/tender.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pilih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan
(http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my/8080/
/gims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(http://sgsportal.upm.edu.my/8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(http://smp.upm.edu.my/smp/action/security
/loginSmpSetupa)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(https://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/mssc-
malaysia/)
Portal myGovernment
(https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia
(https://www.mqa.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web
(http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/
/mengenal_kami/maklumat_korporat/
/piagam_pelanggan-5202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/
/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/
/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my/
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/
Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/
/dokumen/
/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/
/landing/upm)



Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL HANTAR